

01 Jun 2014

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kepada Pemegang-pemegang unit yang dihormati,

## Notis Perlindungan Data Peribadi

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) telah dikuatkuasakan mulai 15 November 2013 oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan data dalam semua transaksi komersial. Akta ini mewajibkan semua syarikat-syarikat dan firma-firma yang ditubuhkan di Malaysia untuk memaklumkan kepada semua pelanggan mereka berkenaan hak-hak mereka berkaitan dengan Data Peribadi mereka yang telah dikumpulkan atau yang sedang diproses bagi maksud yang melibatkan pemprosesan data peribadi. Secara ringkasnya, Akta ini adalah untuk memberi perlindungan ke atas Data Peribadi anda yang dibekalkan semasa berurusan dengan kami.

Oleh itu, bagi memenuhi keperluan di bawah Akta ini, setiap pelanggan kami (para pemegang unit Amanah Saham Darul Iman (ASDI) perlu memberi deklarasi serta persetujuan kepada pihak kami untuk menggunakan dan memproses Data Peribadi anda bagi melengkapkan keseluruhan aktiviti operasi yang kami jalankan. Kami adalah komited dalam memastikan Data Peribadi anda akan sentiasa dilindungi.

Secara amnya, data peribadi yang dikumpul oleh PTB Unit Trust Berhad (PUTB) termasuklah:

- Nama anda;
- Nombor kad pengenalan anda;
- Alamat anda;
- Nombor telefon anda;
- No akaun bank anda; dan
- Apa-apa data peribadi yang diperlukan di dalam borang-borang berkaitan urusan unit-unit ASDI.

Kami akan memproses data peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut:

- Untuk menilai permohonan anda untuk membeli unit-unit ASDI;
- Untuk mengemaskini dan mempertingkatkan rekod-rekod kami tentang anda dan untuk memahami keperluan kewangan anda;
- Untuk melaksanakan proses pindahmilik, bayaran pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan lain-lain urusan berkaitan ASDI;
- untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan anda, termasuklah memproses arahan-arahan anda menjana pengesahan, nasihat dan penyata; dan
- untuk semua tujuan-tujuan yang bersampingan atau berkaitan dengan yang dinyatakan di atas.

Semua maklumat yang anda bekalkan adalah sangat diperlukan oleh kami. Sekiranya anda tidak membekalkan kami dengan semua maklumat seperti yang diminta, kami tidak dapat menyimpan rekod lengkap maklumat anda, dan ini akan menjejaskan keupayaan kami untuk mencapai tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

## **Penzahiran maklumat**

Kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas:

- Pemegang Amanah bagi Tabung Amanah Saham Darul Iman,
- Syarikat Takaful yang dilantik oleh PUTB bagi urusan Khairat Kematian dan Keilatan Kekal;
- Mana-mana pembekal dan penyedia perkhidmatan, dan
- Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa dan agensi-agensi.

Kami juga mungkin menzahirkan data peribadi anda jika diperlukan oleh undang-undang atau secara sucihati, jikalau tindakan tersebut adalah perlu

- (i) bagi mematuhi keperluan-keperluan sebarang agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses-proses perundangan; atau
- (ii) untuk melindungi dan mempertahankan hak-hak atau harta PUTB.

## **Deklarasi, Akses, pembedahan dan aduan**

Dengan penyerahan notis ini, kami menganggap anda telah menyatakan deklarasikan dan persetujuan kepada pihak kami agar pihak kami dapat menggunakan Data Peribadi anda untuk keseluruhan aktiviti yang dinyatakan di atas. Deklarasi dan persetujuan ini akan terus terpakai sehinggalah pihak kami menerima sebarang permohonan bertulis berkenaan dengan menghadkan hak kami ke atas perkara ini. Jika anda memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses data peribadi anda, anda boleh berbuat demikian secara bertulis dan menyerahkannya ke Pejabat Urusniaga PUTB seperti yang dinyatakan di bawah.

Jikalau anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan, anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan di 09-6220999. Sebarang permohonan bagi akses atau pembedahan data peribadi mungkin akan tertakluk kepada bayaran dan keperluan-keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Kami mungkin akan menyemak dan mengemaskini Notis Perlindungan Data Peribadi ini dari masa ke semasa untuk mencerminkan perubahan-perubahan undang-undang, perubahan kepada amalan, prosedur dan struktur perniagaan kami, dan perubahan jangkaan privasi masyarakat. Oleh kerana adalah secara amnya sukar untuk memaklumkan anda tentang perubahan kepada Notis Perlindungan Data Peribadi ini, versi terbaru Notis Perlindungan Data Peribadi ini boleh didapati di laman web ASDI atau anda boleh menghubungi Khidmat Pelanggan di 09-6220999 bagi mendapatkan versi terbaru Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

PTB Unit Trust Berhad  
29.01 KT Business Centre (KTBC)  
Jalan Sultan Mohamad  
21100 Kuala Terengganu, Terengganu.  
T : 09-6220999  
F : 09-6229555  
email : [putb@ptbgroup.com.my](mailto:putb@ptbgroup.com.my)  
Laman web : [www.putbasdi.com](http://www.putbasdi.com)